

TERMA DAN SYARAT KEMPEN “DIGITAL DAY 2019 BYE BYE CASH FRENZY”

Tempoh Promosi

Kempen “Digital Day 2019 Bye Bye Cash Frenzy” Tanpa Tunai Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (HLISB) (“Promosi”) bermula pada 00:01, **7 Julai 2019** dan berakhir pada 23:59, **20 Julai 2019** (“Tempoh Promosi”), termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

Kelayakan

1. Promosi ini terbuka kepada seluruh pelanggan individu HLB dan/atau HLISB yang sedia ada dan baharu.
2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai atau akan serta-merta terlucaut kelayakannya daripada menyertai Promosi.
3. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di dalam ini akan serta-merta terlucaut kelayakannya daripada menyertai Promosi .

Kaedah Promosi

4. Pelanggan yang melakukan sekurang-kurangnya satu (1) transaksi tanpa tunai yang berjaya dengan amaun minimum RM7.00 menggunakan mana-mana perkhidmatan pembayaran tanpa tunai HLB / HLISB yang menyertai (“Transaksi Layak”) semasa Tempoh Promosi (“Pelanggan Layak”) akan berpeluang memenangi Hadiah seperti yang tersebut di bawah ini:

Hadiah	Jumlah Bilangan Pemenang
Pulangan Tunai RM7	25,200 (3,600 pemenang setiap hari x 7 hari)

5. Perkhidmatan pembayaran tanpa tunai yang layak menyertai Promosi termasuklah:
 - a) Hong Leong Connect Online dan/atau Mobile Banking:
 - i. Pindahan dana termasuk Akaun HLB Pihak Ke-3 / IBG / Pindahan Segera dan DuitNow
 - ii. Pembayaran bil
 - iii. Tambah nilai prabayar
 - iv. Pindahan telegraf
 - v. Pembayaran FPX e-Dagang
 - vi. Pay mobile
 - vii. Scan & Pay
 - b) WeChat Pay dengan Kad Debit Hong Leong
 - c) Kad Debit / Kad Debit-i Hong Leong
 - d) Kad Kredit Hong Leong
6. Transaksi Layak tidak meliputi yang berikut:
 - a) Transaksi melalui pembayaran berulang atau pengebilan auto
 - b) Pengeluaran tunai dengan apa-apa cara (iaitu ATM, melalui kaunter, kuasi tunai, dll.)
 - c) Produk portfolio seperti Pindahan Baki (BT), Call-for-Cash Plus (CFC Plus), Call-for-Cash (CFC) dan Pelan Bayaran Fleksi (FPP)
 - d) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
 - e) Apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj dan fi kewangan seperti fi tahunan kad kredit, caj pembayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan yang dikenakan oleh HLB/HLISB.
7. Pelanggan Layak berhak memenangi Hadiah Pulangan Tunai RM7 berkali-kali dalam sehari dan sepanjang Tempoh Promosi, berdasarkan bilangan Transaksi Layak, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Fasal 8 (b) Terma dan Syarat ini.

Pemenuhan Syarat Hadiah Pulangan Tunai

8. Pemilihan pemenang Hadiah Pulangan Tunai RM7:

- (a) Hadiah Pulangan Tunai akan dihadkan setakat 150 pertama Pelanggan Layak (“Pemenang Pulangan Tunai”), atas dasar siapa cepat dia dapat bagi setiap jam sepanjang Tempoh Promosi.
- (b) Pelanggan Layak hanya layak memenangi satu (1) hadiah Pulangan Tunai dalam setiap jam; tetapi layak memenangi sehingga dua puluh empat (24) hadiah setiap hari.

Gambaran pemilihan pemenang Hadiah Pulangan Tunai:

Masa hari	Pemenang
00:01 – 01:00	150 pertama Pelanggan Layak
01:01 – 02:00	150 pertama Pelanggan Layak
02:01 – 03:00	150 pertama Pelanggan Layak
03:01 – 04:00	150 pertama Pelanggan Layak
Setiap jam hingga 24:00	Jumlah 3,600 Pemenang dalam 24 jam

9. Bagi mengelakkan keraguan, HLB/HLISB mempunyai budi bicara untuk menentukan sama ada Pemenang Pulangan Tunai berhak memenangi mana-mana Hadiah Pulangan Tunai dan sebarang pertikaian atas keputusan HLB/HLISB tidak akan dilayani.
10. Semua Hadiah akan dikreditkan ke dalam CASA / CASA-i atau Akaun Kad Kredit Pelanggan Layak yang diselenggara oleh pemenang seperti yang ditentukan oleh HLB/HLISB, berdasarkan akaun Transaksi Layak itu dibuat.
11. Transaksi tanpa tunai yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan di bawah akaun Kad Kredit Hong Leong Pemegang Kad Kredit Utama juga akan diambil kira dalam pengiraan kelayakan Pemegang Kad Kredit Utama untuk mendapat Pulangan Tunai. Akan tetapi, Pulangan Tunai tidak akan diberi kepada Pemegang Kad Kredit Tambahan.
12. Semua Hadiah akan dikreditkan dalam masa 5 hari kerja dari tarikh transaksi dan suatu SMS Pemberitahuan akan dihantar kepada nombor telefon bimbit Pemenang Pulangan Tunai yang telah didaftarkan dengan HLB/HLISB. Pengumuman Pemenang akan disiarkan dalam laman web rasmi HLB.
13. Akaun Kad Kredit / CASA / CASA-i Pemenang, mestilah aktif dan sah setakat 31 Julai 2019, jika tidak Hadiah Pulangan Tunai itu akan dilupuskan atas budi bicara mutlak HLB/HLISB. Dalam hal pelupusan, pemilihan gantian tidak akan dibuat.
14. Pengumuman Pemenang Pulangan Tunai setiap hari (misalnya, Nama dan nombor MyKad/pasport (“ID”) terlindung akan dibuat dalam Laman Web HLB dalam masa lima (5) hari kerja.
15. Pemenang Pulangan Tunai berkewajipan memaklumkan kepada HLB/HLISB secara bersurat sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima selewat-lewatnya 31 Julai 2019, jika tidak Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang rayuan/permohonan bayaran ganti Pulangan Tunai tidak akan dilayani.

Umum

16. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan:

- (a) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini;
- (b) bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani;
- (c) bersetuju untuk mengakses laman web HLB/HLISB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”) dan www.hlisb.com.my (“Laman Web HLISB”) dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;

- (d) bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berhubung dengan penyertan mereka dalam Promosi.
 - (e) membenarkan nama mereka atau rupa mirip mereka dipaparkan dalam bahan-bahan komunikasi HLB/HLISB.
17. HLB/HLISB berhak:
- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicara HLB/HLISB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB/Laman Web HLISB atau apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB/HLISB, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
 - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun daripada menyertai Promosi tanpa memberikan sebarang sebab;
 - (c) menolak kelayakan Pelanggan Layak untuk menyertai Promosi atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB/HLISB atas budi bicaranya yang mutlak. Terutamanya, HLB/HLISB mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak kelayakan Pelanggan Layak yang telah melakukan Transaksi Layak menurut takrifan Terma & Syarat ini, dengan
 - (d) cara atau ragam yang HLB/HLISB anggap luar biasa, di luar aturan dan/atau menunjukkan suatu percubaan untuk meraih kelebihan yang tidak adil berbanding Pelanggan Layak yang lain yang mempunyai ragam perbelanjaan yang biasa/teratur dan keputusan HLB/HLISB atas hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak;
 - (e) melupuskan dan/atau menolak balik mana-mana atau kesemua Hadiah Pulangan Tunai sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi; dan/atau
 - (f) melupuskan dan / atau menolak balik Hadiah Pulangan Tunai seandainya berlaku pembalikan Transaksi Layak atau penamatan Kad Kredit/CASA/CASA-i semasa Tempoh Promosi dan/atau pada waktu pemberian Hadiah Pulangan Tunai atau Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
18. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat Hong Leong Connect, Terma dan Syarat Kad Kredit dan Kad Debit Hong Leong hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
19. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.
20. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.